

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR (SETIU)**

**TARIKH : 10 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 39**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar cadangan Kerajaan untuk membatalkan Stesen ECRL Telaga Papan Setiu dan kalau ianya benar apakah justifikasi pembatalan tersebut dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji balik cadangan pembatalan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung perlaksanaannya bermula daripada tarikh 03 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Selama tempoh tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) sebagai kontraktor utama Projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahkan (EPCC) Projek ECRL. Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos projek ECRL daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion atau pengurangan sebanyak RM21.5 billion.
2. Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek pelaksanaan projek. Kajian teknikal ini dijalankan bersama diantara pihak pemilik Projek yang dilantik Kerajaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan CCCC. Hasil utama kajian ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.
3. Berdasarkan semakan semula yang telah dijalankan, stesen ECRL Telaga Papan telah dibatalkan kerana jangkaan penumpang yang agak rendah iaitu 122 penumpang sehari. Namun demikian, stesen ini boleh dikaji semula pada masa akan datang apabila terdapat keperluan dan jangkaan penumpang di kawasan tersebut telah meningkat.

Sekian, terima kasih.